

berlari-lari

meletakkan

membaca

mencari

mengemaskan

membersihkan

bermandi-manda

berenang

makan

menjamu selera

memandu

mendengar

Isi tempat kosong dengan jawapan yang sesuai.

Pada cuti minggu yang lalu, ayah membawa saya dan ahli keluarga berkelah di tepi pantai untuk mengisi masa lapang. Ayah _____ kereta Proton X50 baharu kepunyaannya.

Apabila sampai di sana, kelihatan orang ramai mula memenuhi pantai. Kami pun _____ tempat untuk menghamparkan tikar. Akhirnya, kami menemukan tempat untuk _____ bekalan makanan dan menghamparkan tikar.

Kemudian, aku dan adikku _____ anak ke arah laut. Kami _____ dengan gembiranya. Adikku _____ dengan menggunakan pelampung sebagai langkah keselamatan. Ayah _____ surat khabar sambil menghirup udara segar manakala ibu _____ muzik di tepi pantai.

Setelah penat berenang, kami _____ pelbagai juadah yang disediakan oleh ibu. Kami _____ dengan gelojohnya kerana terlalu lapar. Selepas itu, kami _____ barangan dan _____ kawasan perkelahan sebelum pulang. Kami berharap dapat berkelah lagi di tepi pantai pada cuti yang akan datang.